



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH SANDAKAN, MAHKAMAH LITAR  
PAPAR DAN MAHKAMAH LITAR TUARAN DI SABAH SERTA MAHKAMAH  
KLANG DI SELANGOR SELARAS DENGAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (“PKPB”) DARI 9 OKTOBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob pada 7 Oktober 2020 mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (“PKPB”) di Daerah Sandakan, Papar dan Tuaran di Sabah serta daerah Klang di Selangor, **Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967** yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 17 Mac 2020 adalah terpakai untuk Mahkamah Sandakan, Mahkamah Litar Papar dan Mahkamah Litar Tuaran di Sabah, serta Mahkamah Klang di Selangor berkuat kuasa 9 Oktober 2020 hingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak mengikut kesesuaian dan mengambil kira keperluan Mahkamah-mahkamah dan tarikh PKPB bagi daerah-daerah tersebut.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi Pendaftar Mahkamah seperti berikut:

**(i) Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya**

Nama: Puan Hasbi binti Hasan  
E-mel: [pmt@kehakiman.gov.my](mailto:pmt@kehakiman.gov.my)  
Telefon: 03-8880 3704

**(ii) Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak**

Nama: Puan Amelati Anak Parnell  
E-mel: [amelati@kehakiman.gov.my](mailto:amelati@kehakiman.gov.my)  
Telefon: 082-311373

**(iii) Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya**

Nama: Tuan M. Bakri bin Abd. Majid

E-mel: pmrm@kehakiman.gov.my

No. Telefon: 03-8880 9418

**(iv) Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak**

Nama: Tuan Jason Juga

E-mel: jason@kehakiman.gov.my

No. Telefon: 082-442228

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 8 Oktober 2020**